

ESTEEM

Academic Journal UiTM Pulau Pinang

Volume 5, Number 2

December 2009

ISSN 1675-7939

Service Employees' Acceptance of Hotel Front Office Systems: A Test of Technology Acceptance Model

Mohamad Abdullah Hemdi

A New Estimator and its Performance

Ng Set Foong
Low Heng Chin
Quah Soon Hoe

The Sustainable Competitive Advantage: Elements of Business Strategy for Surviving in the Franchising Industry

Shaira Ismail

The Manifestation of Native Language Transfer in ESL Learning

Mah Boon Yih

Exploring International Construction Projects: Views from Malaysian Construction Firms

Che Khairil Izam Che Ibrahim
Abdul Rahman Ayub
Nadira Ahzahar
Siti Hafizan Hassan

Pengurusan Perubahan Menurut Perspektif Islam

Zulkifli Dahalan
Wahairi Mahmud

Pembangunan Sains dan Teknologi di IPTA: Satu Analisis Sejarah

Rahimin Affandi Abd Rahim
Nor Adina Abdul Kadir
Ahmad Faisal Abdul Hamid
Zulkifli Dahalan

Masalah Pembelajaran Urutan Kata dalam Ayat Bahasa Mandarin dalam Kalangan Pelajar Bukan Penutur Asli

Hoe Foo Terng
Cheun Heng Huat
Ho Wee Chee

EDITORIAL BOARD
ESTEEM VOLUME 5, NUMBER 2, 2009
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang
SCIENCE & TECHNOLOGY AND SOCIAL SCIENCES

ADVISORS

Tan Sri Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah
Assoc. Prof. Mohd Zaki Abdullah

PANEL REVIEWERS

- Assoc. Prof. Dr. Foo Fong Lian (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Dr. Mohd Salehuddin Mohd Zahari (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Dr. Normala Daud (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Dr. Roshidi Hassan (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Cheun Heng Huat (*Universiti Teknologi MARA*)
Dr. Norhayuza Mohamad (*Universiti Teknologi MARA*)
Dr. Sarminah Samad (*Universiti Teknologi MARA*)
Laila Mohammad Kamaruddin (*Universiti Teknologi MARA*)
Sofwan Hasbullah (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Ir. Dr. Md. Azlin Md. Said (*Universiti Sains Malaysia*)
Assoc. Prof. Dr. Khadijah Zon (*Universiti Sains Malaysia*)
Assoc. Prof. T. Ramayah (*Universiti Sains Malaysia*)
Dr. Aziah Ismail (*Universiti Sains Malaysia*)
Dr. Farid Ezanee Mohamed Ghazali (*Universiti Sains Malaysia*)
Dr. Muhammad Azizan Sabjan (*Universiti Sains Malaysia*)
Dr. Noor Hazlina Ahmad (*Universiti Sains Malaysia*)
Dr. Ong Hong Choon (*Universiti Sains Malaysia*)
Assoc. Prof. Dr. Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali (*Universiti Malaya*)
Dr. Ahmad Zuhdi Ismail (*Universiti Malaya*)
Dr. Mohd Roslan Mohd Nor (*Universiti Malaya*)
Dr. Nor 'Azzah Kamri (*Universiti Malaya*)
Dr. Siti Arni Basir (*Universiti Malaya*)
Assoc. Prof. Dr. Latifah Amin (*Universiti Kebangsaan Malaysia*)
Dr. Hj. Adnan Yusopp (*Universiti Putra Malaysia*)

CHIEF EDITOR

Mohd Aminudin Murad

MANAGING EDITOR

Hoe Foo Terng

PANEL EDITORS

Baderisang Mohamed
Lim Teck Heng
Liaw Shun Chone

Ahmad Khair Mohd Nor
Zuraidah Jantan

Copyright © 2009 by the Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

Esteem Academic Journal is jointly published by the Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang and University Publication Centre (UPENA), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

ESTEEM

UNIVERSITY COLLEGE MALAYSIA
UITM, SHAH ALAM

Academic Journal UiTM Pulau Pinang

Volume 5, Number 2

December 2009

ISSN 1675-7939

Foreword

iii

1. Service Employees' Acceptance of Hotel Front Office Systems: A Test of Technology Acceptance Model 1
Mohamad Abdullah Hemdi
2. A New Estimator and its Performance 21
Ng Set Foong
Low Heng Chin
Quah Soon Hoe
3. The Sustainable Competitive Advantage: Elements of Business Strategy for Surviving in the Franchising Industry 39
Shaira Ismail
4. The Manifestation of Native Language Transfer in ESL Learning 61
Mah Boon Yih
5. Exploring International Construction Projects: Views from Malaysian Construction Firms 71
Che Khairil Izam Che Ibrahim
Abdul Rahman Ayub
Nadira Ahzahar
Siti Hafizan Hassan
6. Pengurusan Perubahan Menurut Perspektif Islam 93
Zulkifli Dahalan
Wahairi Mahmud
7. Pembangunan Sains dan Teknologi di IPTA: Satu Analisis Sejarah 115
Rahimin Affandi Abd Rahim
Nor Adina Abdul Kadir
Ahmad Faisal Abdul Hamid
Zulkifli Dahalan

8. Masalah Pembelajaran Urutan Kata dalam Ayat Bahasa Mandarin dalam Kalangan Pelajar Bukan Penutur Asli Hoe Foo Terng Cheun Heng Huat Ho Wee Chee	149
9. The Influences of Gender, Courses and Speaking English at Home on Factors Contributing to Poor Spoken English Cheang Eng Kwong	165
10. Persepsi Pelajar Terhadap Kredibiliti Pensyarah Pendidikan Islam: Satu Kajian Che Haslina Abdullah Zulkefli Mohamad Siti Khalijah Majid Saharani Abdul Rashid	183
11. Konsep Asas Ilmu Perubatan Islam Menurut Ibn Sina Roshaimizam Suhaimi Jasni Sulong	201
12. Pendidikan Islam dalam Pembelajaran Prasekolah: Kajian Terhadap Kurikulum Pengajaran Beberapa Prasekolah Terpilih Zulkifli Dahalan	215
13. Peranan Pensyarah dalam Penambahbaikan Kualiti Pengajaran di UiTM Peridah Bahari Fatimah Bahari	231
14. Pertembungan Tamadun Islam dan Tamadun Barat: Di Mana Letaknya Konflik? Mohd. Hapiz Mahaiyadin Khaliff Mu'ammor A. Harris	241
15. Kedudukan Para Nabi, Malaikat dan Jin Menurut Perspektif Islam Halipah Hamzah	257

Foreword

Alhamdulillah. Firstly, I would like to express my thanks and congratulations to the Editorial Board of *Esteem Academic Journal* of Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang for their diligent work in helping to produce this second issue of volume 5. I also would like to thank the reviewers for the excellent vetting of the manuscripts. A special thanks to University Publication Centre (UPENA) of UiTM for giving us this precious opportunity to publish twice this year. In this bilingual science & technology and social sciences issue, similar to the first issue we managed to invite more reviewers from our university as well as other universities in Malaysia. In the near future, we will approach and invite more international reviewers to be in the Editorial Board in order to internationalize our journal. Again, this current issue remarks a new height of the journal standard.

In this issue, we have compiled another 15 interesting articles. The first article is entitled “Service Employees’ Acceptance of Hotel Front Office Systems: A Test of Technology Acceptance Model” written by Mohamad Abdullah Hemdi. The author makes an attempt to investigate the relationship between information system quality, perceived ease of use, perceived ease of usefulness and attitude towards use by adopting an extended technology acceptance model (TAM). This article also presents theoretical and practical contributions for hotel managers and hotel information system (HIS) practitioners in order to increase frontlines acceptance of HFOS. The second article by Ng Set Foong, Low Heng Chin and Quah Soon Hoe proposed a new estimator as an alternative of the Ordinary Least Squares Estimator for linear regression model. This new estimator is shown to have a reduction in mean squared error compared to the mean squared errors of the special case of Liu-type estimator and the Ordinary Least Square Estimator under certain conditions.

Shaira Ismail in her article studies the elements of business strategy for surviving in the franchising industry. The author concluded that the firm’s competitive advantages need to be explored and defined as a blueprint for business strategic planning. The extremely important factors contributing to a company’s competitive advantage are in relations to customers and products. The fourth article by Mah Boon Yih is primarily concerned about how the learner’s existing linguistic knowledge influences the course of English language development among Chinese ESL learners.

The use of English language presented in the form of written work from the samples of 12 students has manifested itself the impact of their L1 (Chinese) transfer in their second language acquisition.

The fifth article by Che Khairil Izam Che Ibrahim et al. surveyed the awareness on analyzing major determinants of goals and benefits in international construction market. Findings indicate that as Malaysian construction firms go international, determination of a firm's basic goals and long term benefits is a really important aspect in exploring international construction projects. Zulkifli Dahalan and Wahairi Mahmud in their article entitled "Pengurusan Perubahan Menurut Perspektif Islam" discuss how managing changes can strengthen an organization, in a way that is in accordance to Islam. Leaders play important role since the success of an organization depends on the leaders' ability to manage the changes.

Rahimin Affandi Abd Rahim et al. focused on the review of the development of Islamic science and technology framework in public universities. The authors concluded that the process and move in developing Islamic science and technology framework in universities is still a distant away from reaching its target. The eight article by Hoe Foo Terng, Cheun Heng Huat and Ho Wee Chee looks into the problems and difficulties in learning phrases and sentences in Mandarin language among non-Mandarin spoken students as well as the causing factors and the strategies to overcome the problems. The results show that students always make Mandarin grammar mistakes due to the influence of their mother tongue language, mistakes by opposing the logical, chronological or time, or carelessness.

The article entitled "The Influences of Gender, Courses and Speaking English at Home on Factors Contributing to Poor Spoken English" by Cheang Eng Kwong highlights the factors that contribute to the poor proficiency of spoken English among the diploma students in UiTM Pulau Pinang. The results of the study concluded that both internal and external factors have resulted in the poor use of spoken English among the students. The tenth article by Che Haslina Abdullah et al. is a result of a research on the students' perception on lecturers teaching Islamic Studies course. The results indicated a high percentage of students agree that the Islamic Studies lecturers have higher credibility.

The eleventh article by Roshaimizam Suhaimi and Jasni Sulung entitled "Konsep Asas Ilmu Perubatan Islam Menurut Ibn Sina" emphasizes on Ibn Sina's contributions in medical or medicine knowledge as well as the everlasting Islamic medical knowledge that is still being used until today although his name has not been properly recognized and acknowledged

by the West. Zulkifli Dahalan's article entitled "Pendidikan Islam dalam Pembelajaran Prasekolah: Kajian Terhadap Kurikulum Pengajaran Beberapa Prasekolah Terpilih" concentrates on the Islamic learning process and curriculum in selected kindergarten or preschool. The authors monitor the total learning hours for Islamic Studies course and other courses and suggested Islamic Studies course to be as a part of the preschool curriculum.

The article entitled "Peranan Pensyarah dalam Penambahbaikan Kualiti Pengajaran di UiTM" by Peridah Bahari and Fatimah Bahari discusses the role of lecturers in the development of higher learning as well as to enhance the quality of teaching. The fourteenth article discusses the conflict between Islamic civilization and Western civilization. The authors, Mohd. Hapiz Mahaiyadin and Khaliff Mu'ammar A. Harris suggested that the Islamic civilization could coexist with the Western if the West is able to understand Islam and the Muslim society. However, the full understanding is difficult to achieve since Islam civilization is concerned about revealing the truth while the Western civilization is about concealing the truth. The last article entitled "Kedudukan Para Nabi, Malaikat, Jin dan Iblis Menurut Pemikiran Islam" written by Halipah Hamzah looks into the position of *nabi*, *malaikat*, *jin* and *iblis* from an Islamic point of view.

Mohd Aminudin Murad
Chief Editor
Esteem, Vol. 5, No. 2, 2009
(Science & Technology and Social Sciences)

Pendidikan Islam dalam Pembelajaran Prasekolah: Kajian Terhadap Kurikulum Pengajaran Beberapa Prasekolah Terpilih

Zulkifli Dahalan

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia

Emel: zuldahl@ppinang.uitm.edu.my

ABSTRAK

Daripada Abu Hurairah ra, dari Nabi SAW, sabdanya: “Tujuh golongan manusia akan dinaungi Allah SWT pada hari kiamat, di mana tidak ada naungan ketika itu kecuali naungan Allah. 1. Imam (pemimpin) yang adil. 2. Pemuda yang terdidik/terlatih sejak kecil dalam menyembah Allah.” (Hadith Riwayat Bukhari). Pendedahan pendidikan Islam kepada seseorang individu Muslim perlu dimulakan sejak mereka masih kecil lagi. Ketika dalam alam kanak-kanak mereka hendaklah diajar mengenal Allah dan perkara-perkara asas lain dalam Islam. Penekanan terhadap pendidikan Islam wajar dilakukan ketika mereka mula belajar mengenal huruf. Penulisan ini bertujuan mengenal pasti dan meneliti pembelajaran pendidikan Islam dalam kurikulum pendidikan beberapa prasekolah milik kerajaan dan swasta sekitar kawasan Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Tumpuan adalah dengan melihat jumlah jam pengajaran pendidikan Islam dan mata pelajaran yang diajar. Penulis menggariskan beberapa pandangan tentang keperluan memasukkan pendidikan Islam sebagai sebahagian daripada pengajaran yang berjalan. Cadangan-cadangan turut dikemuka ke arah memantapkan lagi pembelajaran pendidikan Islam di peringkat prasekolah.

Kata kunci: Pendidikan Islam, prasekolah, keberkesanannya

Pendahuluan

Islam adalah agama global dengan matlamat utamanya sebagai *rahmatan-lil-‘alamin*. Firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya’ ayat 107 yang bermaksud: “Dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”. Manusia telah diberikan garis panduan tersendiri bagi menjalani kehidupan di atas muka bumi. Keistimewaan manusia adalah bergantung sejauh mana mereka mampu mengeksplorasi kehidupan ini selaras dengan kehendak Islam. Ia tidak mungkin tercapai jika sistem pendidikan yang diikuti tidak meliputi kehendak dan peranan yang sewajarnya dimainkan. Pengutusan Rasulullah SAW secara jelas antaranya bertujuan merealisasikan matlamat ini iaitu membentuk manusia yang bersifat sebagai hamba dan juga khalifah kepada Allah (Haron Din, 1992). Justeru, al-Quran pada awal penurunannya melalui surah al-‘Alaq telah memberikan penekanan terhadap persoalan ilmu. Situasi ini agak menarik kerana umum mengetahui Rasulullah SAW tidak boleh membaca dan menulis.

Pernyataan Masalah

Taman Pauh, Taman Pauh Jaya dan Taman Pauh Indah terletak dalam kawasan Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Majoriti penduduknya terdiri daripada bangsa Melayu beragama Islam dan mewakili pelbagai sektor pekerjaan. Ia terletak berdekatan dengan pusat pengajian tinggi seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang, Politeknik Seberang Perai, SIRIM, pusat membeli belah termasuk pasaraya besar dan lain-lain kemudahan, pejabat kerajaan dan swasta. Ia juga berdekatan dengan laluan ke jambatan Pulau Pinang. Nilai hartanah di kawasan ini juga agak tinggi berbanding kawasan-kawasan lain dalam Seberang Perai.

Firman Allah SWT dalam surah al-Rum ayat 30 yang bermaksud: “(setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Muhammad) ke arah ugama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) ugama Allah, iaitu ugama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semula jadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah ugama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui”. Permasalahan salah laku pelajar sering dikaitkan dengan

sistem pendidikan yang mereka diterima. Sejarah pendidikan setiap pelajar adalah bermula sejak mereka masih dalam kandungan. Daripada Abu Hurairah ra, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah, kedua ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Majusi...” (Hadith Riwayat Bukhari). Ibu bapa bertanggungjawab mendidik anak-anak setelah mereka lahir ke dunia. Urusan ini termasuk dalam menentukan sistem persekolahan yang akan diikuti oleh pelajar tersebut. Pendidikan Islam sewajarnya menjadi teras dalam pendidikan seseorang manusia daripada awal hingga akhirnya. Sebagai taman perumahan yang berada dalam kawasan sedang membangun, banyak pusat-pusat pendidikan prasekolah telah wujud. Setiap daripadanya mempunyai kelainan masing-masing kerana dibangunkan oleh pemilik yang berbeza. Ianya sudah tentu turut membentuk kelainan peribadi bagi setiap pelajar kerana dibentuk melalui aliran pendidikan berbeza.

Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti kedudukan pendidikan Islam dalam kurikulum pembelajaran prasekolah yang berjalan kini.
2. Meneliti kaedah pendidikan Islam bagi setiap sistem prasekolah.
3. Mengemukakan beberapa pandangan dan cadangan terhadap sistem sedia ada.

Methodologi Kajian

Kaedah-kaedah yang digunakan ketika menjalankan kajian ini ialah:

1. Menemu bual responden.
2. Mengkaji kurikulum prasekolah terlibat.
3. Kajian perpustakaan.

Pendidikan dalam Islam

Pendidikan dalam *Kamus Dewan* berasal daripada akar kata didik, iaitu pelihara, jaga (dengan hati-hati) dan ajar. Dengan itu, pendidikan dapatlah diertikan sebagai perihal mendidik, memelihara, menjaga dan mengajar

(1994, edisi 3). Dalam bahasa Arab, istilah *tarbiah* diguna pakai untuk merujuk kepada pendidikan. Istilah ini mempunyai konotasi mengasuh, memelihara dan memimpin (Hans Wehr, 1980). Pendidikan ialah elemen penting bagi mempastikan kehidupan seseorang individu mencapai kesempurnaan.

Proses awal pendidikan sebenarnya bermula di rumah dengan ibu bapa berperanan sebagai pendidik. Ketika usia masih di peringkat bayi lagi Islam telah menggariskan beberapa keperluan yang perlu dilakukan oleh ibu bapa. Ia bermula sejak suami isteri melakukan perhubungan kelamin, diazangkan anak yang baru lahir, *tahnik* (belah mulut), akikah, menamakan anak dengan nama-nama yang baik, doa-doa tertentu dan seumpamanya. Kesemua perlakuan ini merupakan proses mendidik anak-anak yang ianya perlu dilakukan oleh ibu dan bapa itu sendiri.

Ayat al-Quran dan al-Hadith telah memperjelaskan peranan yang perlu dimainkan oleh ibu bapa untuk mendidik anak-anak mereka. Antaranya ahli-ahli keluarga hendaklah disuruh mengerjakan solat dan bersabar dengannya (maksud surah Taha: 132 – “Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau tekun bersabar menuaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu. dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwah”). Umat Islam diminta memelihara diri dan ahli keluarga daripada bakaran api neraka (maksud surah al-Tahrim: 6 – “Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan”).

Manakala hadis-hadis pula Rasulullah SAW pernah menggambarkan seorang lelaki yang mendidik anaknya adalah lebih baik dari bersedekah (riwayat al-Tirmizi – “Mendidik anak itu lebih baik bagi seseorang itu daripada bersedekah secupuk”). Tidak ada satu pemberian yang lebih baik dari seorang bapa kepada anaknya daripada adab yang mulia (riwayat al-Tirmizi – “Tidak ada pemberian seorang bapa terhadap anaknya yang lebih baik daripada adab yang mulia”). Anak-anak yang soleh akan memberi manfaat kepada ibu bapanya yang meninggal dunia (“Apabila seseorang anak Adam meninggal dunia, terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang memberi manfaat dan anak soleh yang berdoa untuknya”).

Selain itu, secara khusus terdapat beberapa pengajaran yang dapat difahami dari maksud surah al-'Alaq. Antaranya, pendidikan dalam Islam mempunyai hubungan dengan Allah yang telah menciptakan alam ini termasuk manusia. Ditegaskan bahawa Allah telah mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya. Ianya menampakkan perkaitan yang cukup rapat antara ilmu, manusia yang diciptakan dengan Allah selaku pencipta. Manusia akan terbabas dalam kehidupan mereka jika konsep tersebut tidak difahami dan dipegang dengan baik.

Jangkuan peranan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak meluas sifatnya. Setiap peringkat umur anak hendaklah diikuti dengan diberikan didikan yang sepatutnya. Didikan mengenal Allah dan melaksanakan kewajipan didedah sejak awal. Sebagai contohnya maksud hadis Rasulullah SAW iaitu "Suruhlah anak-anak kamu bersolat ketika mereka berumur 7 tahun dan pukullah mereka sekiranya enggan ketika berumur 10 tahun" (riwayat Imam Ahmad, Abu Daud dan al-Hakim). Berdasarkan pemahaman terhadap hadis tersebut, pendidikan mengenai solat sepatutnya bermula sebelum mereka mencecah usia 7 tahun lagi. Rasulullah SAW meminta ibu bapa menyuruh anak-anak mereka bersolat ketika berumur 7 tahun dan dipukul jika enggan ketika berumur 10 tahun. Adalah kurang bijak jika kanak-kanak dikejutkan dengan kewajipan tentang sesuatu urusan sebelum mereka dididik sejak awal.

Kewajipan ibu bapa mendidik anak-anak tidak terhenti setakat menggauli atau mendidik anak-anak di rumah semata-mata malahan menentukan bentuk pendidikan yang wajar diterima oleh mereka. Ia dianggap penting kerana pendidikan manusia adalah bersifat berterusan sebagaimana sering disebut dari buaian hingga ke liang lahad. Situasi ini diperkuuhkan lagi melalui maksud sabdaan Rasulullah SAW iaitu: "Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah (suci dari segala dosa). Kedua ibu bapanya lah yang menjadikan dirinya Nasrani atau Yahudi atau Majusi" (riwayat Bukhari). Keelokan budi seseorang individu amat bergantung kepada proses pengaturan pendidikan oleh ibu bapa mereka. Justeru penghantaran anak-anak ke prasekolah perlu mengambil kira keperluan-keperluan untuk melengkapkan mereka dengan didikan yang sewajarnya.

Dari sudut sejarah Islam sendiri, sudah wujud institusi khusus pendidikan untuk kanak-kanak yang dinamakan sebagai *kuttab*. *Kuttab* atau kata jamaknya *katatib* merupakan salah satu pusat pendidikan permulaan untuk kanak-kanak. Menurut Seyyed Hossein Nasr, tujuan pengajian di sini ialah untuk memperkenalkan kepada generasi muda Islam tentang ilmu membaca dan menulis serta prinsip-prinsip agama ((Fadzlullah Hj. Shuib, 1995). Al-Ahwani pula menyatakan pendidikan di

kuttab adalah untuk kanak-kanak mempelajari dan menghafal al-Quran, belajar membaca dan menulis serta mempelajari bahasa Arab, syair, sejarah dan asas-asas matematik (1965).

Justeru bagi maksud merealisasikan sistem pembelajaran Islam dalam pendidikan prasekolah, terdapat beberapa asas yang perlu diikuti. Sistem pendidikan Islam termasuklah prasekolah mestilah berteraskan kepada tauhid. Tauhid ialah asas kepada akidah Islam, bersifat dasar dan world view kepada keseluruhan konsep-konsep Islam lain iaitu *ubudiyah* (penyembahan yang mutlak kepada Allah), *taqwa* (beriltizam dengan seluruh ajaran Islam), *ma'rifah* (kewajipan berilmu dan mencari ilmu), *ihsan* (menyembah Allah dengan ikhlas dan jujur), *hikmah* (bijaksana), *rabbaniah* (penghayatan ciri-ciri dan sifat yang menjadi kesukaan Allah), *ibda'iyah* (pembangunan kudrat reka cipta dan *entrepreneurship* merupakan sebahagian dari sifat kreativiti anugerah Allah) dan *wilayatullah* (mengajak manusia duduk di bawah lembayung rahmat dan peliharaan Allah) (Hj. Abdul Ghani Samsudin, 2001). Oleh itu, ibu bapa bertanggungjawab untuk mempastikan pendidikan prasekolah yang diterima oleh anak-anak mereka adalah berteraskan kehendak Islam.

Objektif Pembelajaran Prasekolah

Terdapat beberapa institusi prasekolah wujud di Malaysia yang dikendalikan oleh jabatan/agensi kerajaan dan juga swasta. Bagi tujuan mengetahui kedudukan pendidikan Islam di peringkat tersebut, beberapa prasekolah sekitar Seberang Perai Tengah telah dipilih. Prasekolah yang dipilih ialah Taski al-Iman Taman Pauh, Tabika Kemas Taman Pauh Indah, Tabika Perpaduan Taman Pauh Indah dan Prasekolah Kebangsaan di Sekolah Kebangsaan Pauh Jaya. Taski Abim dikelolakan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia, Tadika Kemas dikelolakan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat, Tadika Perpaduan dikelolakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Prasekolah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Institusi-institusi ini wujud di merata tempat di seluruh Malaysia dan kebanyakan pelajarnya terdiri daripada anak orang-orang Islam.

Setiap prasekolah mempunyai identiti dan objektif pendidikan mereka sendiri. Untuk Taski Abim, objektif khasnya ialah (Kurikulum Taski Abim):

- i. Membina dan menerapkan asas-asas tauhid dalam diri dan kehidupan kanak-kanak.
- ii. Membina akhlak Islamiyah yang tulen.

- iii. Membina rangsangan-rangsangan bercorak Islamiyah sesuai dengan perkembangan rohaniyah, intelek jasmaniyyah kanak-kanak yang intensif – suka bercakap dan belajar, maka wajarlah pengalaman yang demikian dijiwai dengan nilai-nilai Islam.
- iv. Mengenali kehidupan Islam sesuai dengan peringkat kematangan mereka – mengamalkan ibadah-ibadah, mengasah daya fikir, kreatif dan seterusnya menghayati kekuasaan, kekayaan dan kesempurnaan Ilahi.
- v. Memberikan pendidikan asas mengenai kemahiran-kemahiran berkomunikasi dalam kehidupan sehari-hari.
- vi. Memberikan asuhan dalam menguasai cara hidup Islam dan asas-asas keimanan untuk hidup gagah menghadapi hidup di hari muka.

Objektif Tabika Kemas pula ialah (Laman Web Kementerian Pembangunan Luar Bandar, KEMAS):

- i. Menggalakkan perkembangan sosial, emosi, rohani, fizikal dan intelek menerusi berbagai pendedahan dan interaksi.
- ii. Menyedia dan mengembangkan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira sebelum masuk sekolah.
- iii. Meluaskan peluang belajar bagi kanak-kanak yang sememangnya telah terdedah dengan berbagai pengalaman dan mempunyai potensi untuk menguasai kemahiran dan menerima pengalaman yang terancang dan teratur.
- iv. Memupuk nilai-nilai murni minat dan bakat dalam mengembangkan kreativiti dan mempunyai sikap ingin tahu.
- v. Membentuk konsep diri yang positif, mengamalkan nilai-nilai murni, sikap dan tabiat yang sihat serta berdisiplin dalam kehidupan harian.
- vi. Menggalakkan perkembangan kesihatan kanak-kanak melalui makanan tambahan yang seimbang, rawatan kesihatan yang teratur.

Bagi Tabika Perpaduan, objektifnya ialah (Laman Web Jabatan Perpaduan Negara, Tabika Perpaduan):

- i. Menyemai dan memupuk semangat muhibah, kejiran dan perpaduan serta semangat kewarganegaraan di kalangan kanak-kanak dari semua keturunan;
- ii. Menerapkan nilai-nilai kerohanian dan moral yang positif dalam kehidupan seharian kanak-kanak untuk mewujudkan peribadi dan perwatakan yang sempurna dalam keluarga;

- iii. Menggalakkan perkembangan kanak-kanak berumur 5 dan 6 tahun secara menyeluruh, bersepada dan seimbang melalui proses pembelajaran tidak formal “bermain sambil belajar”;
- iv. Mengeratkan lagi perhubungan serta memupuk perpaduan di kalangan ibu bapa dan masyarakat seluruhnya melalui Jawatankuasa Tabika Perpaduan dan kegiatan-kegiatan kokurikulum.

Objektif Pendidikan Islam Prasekolah Kebangsaan bertujuan membolehkan murid (Kurikulum PraSekolah Kebangsaan):

- i. Menyatakan asas-asas keimanan dan keIslamam;
- ii. Mengamalkan ibadah yang bersesuaian dengan peringkat umur;
- iii. Mengenali sirah dan peribadi Rasulullah SAW, dan berusaha mencontohnya;
- iv. Mengamalkan adab dan akhlak yang mulia;
- v. Mengenali al-Quran – bahasa dan hurufnya; dan
- vi. Menghafaz dengan makna beberapa surah pendek dan doa harian.

Secara umumnya, aspek kerohanian diberi perhatian dalam objektif semua prasekolah. Ia merupakan satu keperluan kerana kebanyakan prasekolah tersebut menjadi tumpuan kanak-kanak Islam.

Pendidikan Islam di Prasekolah

Taski al-Iman Taman Pauh

Waktu persekolahan di Taski al-Iman bermula dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 tengahari, kecuali hari Jumaat pelajar dibenarkan pulang jam 10.30 pagi. Setiap pagi dari jam 8.00 hingga 8.15 pagi para pelajar dikehendaki menyertai perbarisan bertujuan membaca doa dan surah-surah pilihan. Bacaan Awal, Bahasa Melayu, Bahasa Arab, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Jawi dan Fardu Ain adalah mata pelajaran yang diajar ketika persekolahan. Selain itu, terdapat juga slot untuk riadah dan kreatif. Setiap hari daripada jam 10.30 hingga 10.50 pagi kecuali Jumaat mengambil masa 1 jam 20 minit, para pelajar diajar amali solat. Jam 10.50 hingga 11.00 pagi sebelum pulang mereka akan membacakan doa penamat. Amali solat ialah slot yang memberi penekanan mengenai solat dan cara-cara mengerjakannya. Dalam tempoh persekolahan, pelajar-pelajar diajar dengan subjek akademik, iaitu Bacaan Awal pada setiap pagi selama 15 minit sehari, iaitu 1 jam 15 minit seminggu, Bahasa Melayu 1 jam 40 minit, Bahasa Arab 30 minit, Jawi 60 minit, Bahasa Inggeris 1

jam, Matematik 1 jam 10 minit, Fardu Ain 40 minit dan Sains 40 minit. Slot Fardu Ain meliputi pelajaran tentang akhlak, ibadah, akidah dan sirah (Khubri Awang, temu bual Nov. 2003).

Subjek akhlak mendedahkan pelajar tentang adab kepada ibu bapa, guru, orang yang lebih tua serta rakan sebaya. Mereka juga diajar adab amalan harian (adab makan, minum dan sebagainya), adab kepada makhluk lain serta adab terhadap harta benda sendiri dan hak orang lain. Subjek ibadah ialah pengenalan tentang rukun Islam, rukun solat, fardu wuduk, solat lima waktu, lafaz-lafaz niat solat lima waktu, lafaz syahadah, al-Fatihah, tahiyyat, lafaz azan/iqamah dan doa qunut. Dalam subjek akidah para pelajar diajar mengenai rukun Iman, sifat-sifat yang wajib bagi Allah, sifat-sifat yang harus bagi Allah, nama-nama malaikat yang wajib diketahui, nama-nama kitab yang diturunkan kepada rasul yang wajib diketahui, nama-nama nabi dan rasul yang wajib diketahui, sifat-sifat yang wajib bagi rasul, sifat-sifat yang mustahil bagi rasul, sifat-sifat yang harus bagi rasul, hari kiamat (dengan ulasan yang ringkas) serta qadak dan qadar (dengan ulasan yang sesuai). Bagi subjek sirah kandungan pengajarannya ialah nama nabi dan nasab di sebelah ayah dan ibunya, anak-anak dan isteri Rasulullah, akhlak Rasulullah (berani, amanah, sabar, sopan santun, pemurah, lemah lembut, tolak ansur dan lain-lain), kelahirannya, semasa kecilnya, kerasulannya, perjuangannya dan kewafatannya. Pelajar-pelajar turut didedah dengan tilawah asas al-Quran dengan tujuan mereka dapat membaca, menghafaz, mencintai, menghormati dan menghayati ayat-ayat al-Quran. Selain itu, aspek permainan turut dihubungkan dengan seni budaya Islam (Kurikulum Taski ABIM, 1998).

Tabika KEMAS Taman Pauh Indah

Bagi Tabika KEMAS, waktu persekolahannya ialah dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari kecuali pada hari Jumaat pelajar dibenarkan pulang pada jam 11.30 pagi. Ia merupakan institusi prasekolah bagi kanak-kanak yang berumur lingkungan 4 hingga 6 tahun. Tujuannya ialah untuk menggalakkan perkembangan sosial, emosi, rohani, intelek dan fizikal kanak-kanak. Perlaksanaannya adalah berdasarkan konsep memberi pendidikan tidak formal secara “belajar melalui bermain”. Konsep tersebut kemudiannya diperluaskan kepada menguasai kemahiran asas 3M, iaitu membaca, menulis dan mengira (Laman Web Kementerian Pembangunan Luar Bandar, KEMAS).

Subjek-subjek yang diajar meliputi Matematik, Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Pendidikan Kerohanian dan beberapa asas kemahiran lain. Pendidikan kerohanian di kelas-kelas Tabika KEMAS banyak bergantung kepada kreativiti guru (Pemaju Masyarakat) itu sendiri. Pendidikan Islam diajar selama 30 minit dalam satu slot sebanyak 2 atau 3 kali seminggu. Ia diajar secara berselang-seli dengan subjek Ketatanegaraan. Guru akan menentukan bentuk dan bahan pengajaran yang hendak diajar. Bagi Tabika KEMAS Taman Pauh Indah, kesemua pelajarnya terdiri dari anak orang-orang Islam. Justeru, tidak menjadi masalah bagi guru untuk memperkenalkan asas-asas pendidikan Islam kepada pelajar-pelajarnya. Bagi subjek Pendidikan Islam, para pelajar diajar perkara-perkara asas ilmu Tauhid, Fiqh dan juga ibadah. Pelajar-pelajar diajar mengenal Allah, rukun Iman dan lain-lain. Mereka turut diajar mengenai solat, mengenali para nabi dan sebagainya. Pelajar juga diperkenalkan dengan akhlak Islam. Kelas Iqra' pula dijalankan di situ sebanyak 3 kali dalam seminggu. Guru lain diambil untuk mengajar kelas tersebut dengan dibayar elaun. Namun, sebagaimana dimaklumkan, tidak ada silibus khusus yang diberi kepada guru untuk subjek pendidikan Islam. Kesemuanya bergantung kepada kreativiti guru itu sendiri untuk menentukannya (Hanita Hashim, temu bual Nov. 2003).

Tabika Perpaduan Taman Pauh Indah

Kurikulum teras Tabika Perpaduan merangkumi perkembangan pendidikan ketatanegaraan, pendidikan Islam, perkembangan pendidikan kerohanian dan moral, penggunaan bahasa Melayu, perkembangan bahasa, perkembangan fizikal, perkembangan sosioemosi dan perkembangan kognitif. Kokurikulum pula melibatkan penyertaan ibu bapa dan masyarakat setempat dalam aktiviti-aktiviti seperti Tabikarama Perpaduan, Hari Graduan Tabika/Hari Penyampaian Sijil, Sukaneka Tabika, Pertandingan Mewarna, Hari Terbuka/Hari Keluarga, Lawatan Sambil Belajar dan Sambutan Harijadi (Laman Web Jabatan Perpaduan Negara, Tabika Perpaduan).

Waktu persekolahan Tabika Perpaduan Taman Pauh Indah ialah dari jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi. Setiap awal pagi selama 5 minit, upacara menaikkan Jalur Gemilang dan nyanyian lagu Negaraku akan dilakukan. Terdapat juga slot permainan luar, perbualan, aktiviti-aktiviti permainan lain dalam bentuk pembelajaran, muzik dan juga nyanyian. Matapelajaran bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Ketatanegaraan dan pendidikan Islam/Moral dan Kerohanian turut diajar. Pendidikan Islam/

Moral dan Kerohanian diajar selama 3 slot seminggu dengan jumlah jam sebanyak 1 jam 30 minit. Ia juga bergantung kepada jumlah pelajar Islam yang belajar di situ. Subjek pendidikan Islam terkandung di dalamnya ilmu akidah, ibadah, sirah, akhlak dan asas bahasa al-Quran & tulisan Jawi. Dalam akidah diajar topik-topik mengenai menyebut rukun Iman, beriman kepada Allah, beriman kepada malaikat, beriman kepada kitab, beriman kepada rasul, beriman pada hari kiamat dan beriman pada qadar dan qadar. Topik-topik ibadah merangkumi mengetahui rukun Islam, melafazkan kalimah syahadah, mendirikan solat, mengamalkan puasa Ramadan, mengeluarkan zakat dan ibadah haji. Topik sirah pula bertujuan mengetahui sirah Rasulullah SAW. Topik akhlak merangkumi mencontohi akhlak Rasullah SAW, mengamalkan adab dalam kehidupan harian, menghormati ibu bapa, guru, rakan sebaya dan anggota masyarakat, menghormati pemimpin, mencintai negara, mematuhi peraturan dan undang-undang dan menjaga dan menyayangi alam sekitar. Dalam topik asas bahasa al-Quran dan tulisan Jawi, pelajar diajar mengenal bahasa al-Quran, mengenal tulisan Jawi dan menghafaz beberapa surah pendek daripada juzuk ‘Amma (Norhani Ismail, temu bual Nov. 2003).

Prasekolah Kebangsaan

Prasekolah Kebangsaan di Sekolah Kebangsaan Pauh Jaya berjalan waktu persekolahannya dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi. Terdapat slot tetap aktiviti fizikal, emosi selama 20 minit setiap hari, begitu juga dengan perbualan pagi. Selain itu terdapat slot untuk bahasa Melayu, bahasa Inggeris, kognitif dan Pendidikan Islam. Setiap slot diperuntukkan masa selama 1 jam dengan peruntukan untuk agama Islam sebanyak 2 slot seminggu. Selain itu para pelajar turut didedahkan dengan kognitif Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris setiap hari selama 1 jam bagi 1 slot. Guru-guru yang mengajar kelas ini terdiri daripada kakitangan pendidik Sekolah Kebangsaan Pauh Jaya (Rattana a/p Yan, temu bual Nov. 2003).

Kurikulum Pendidikan Islam merangkumi aspek keimanan, kemanusiaan, kemasyarakatan dan ketatanegaraan. Tumpuan khusus adalah kepada pembentukan akidah dan bimbingan asas fardu ain, pemupukan amalan fardu ain dan fardu kifayah yang dituntut oleh syariah Islam, penyuburan adab dan akhlak Islamiah ke dalam diri murid berteraskan kepada Nabi Muhammad SAW sebagai contoh yang terbaik, pengenalan kepada asas bahasa al-Quran dan surah-surah pendek dari juzuk ‘Amma dan pengenalan kepada tulisan Jawi. Ia disampaikan melalui

aktiviti bercerita, tunjuk cara, latihan amali, nyanyian lagu dan nasyid, permainan, lakonan, penjelajahan, pemerhatian alam sekitar dan melihat kegiatan manusia (Kurikulum Prasekolah Kebangsaan).

Dalam Kurikulum Prasekolah Kebangsaan dinyatakan pelajaran Pendidikan Islam adalah merangkumi pembelajaran ilmu akidah, ibadah, sirah, akhlak dan asas bahasa al-Quran dan tulisan Jawi. Dalam akidah, pelajar diajar untuk mengetahui rukun Iman, beriman kepada Allah, beriman kepada malaikat, beriman kepada kitab, beriman kepada rasul, beriman kepada Hari Akhirat dan beriman kepada qadak dan qadar. Ilmu ibadah pula mengajar pelajar mengetahui rukun Islam, melafaz kalimah syahadah, mendirikan solat, mengamalkan ibadah puasa, mengeluarkan zakat fitrah dan ibadah haji. Sirah bertujuan mengajar pelajar mengetahui sirah Rasulullah SAW. Pelajaran akhlak memberi penekanan untuk mencontohi akhlak Rasulullah SAW, mengamalkan adab dalam kehidupan seharian, menghormati ibu bapa, guru, rakan sebaya dan anggota masyarakat, menghormati pemimpin, mencintai negara, mematuhi peraturan dan undang-undang dan menjaga kebersihan, keindahan dan menyayangi alam sekitar. Dalam asas bahasa al-Quran dan tulisan Jawi, pelajar diajar mengenal bahasa al-Quran, mengenal tulisan Jawi dan menghafaz beberapa surah pendek dari juzuk ‘Amma. Setiap kesemuanya diberikan pendekatan dalam Kurikulum Prasekolah Kebangsaan.

Rumusan

Secara umum kita melihat subjek Pendidikan Islam diajar di kesemua sistem prasekolah tersebut. Ini selaras dengan objektif yang setiap prasekolah telah gariskan. Penulis bersetuju bahawa pembelajaran di peringkat prasekolah perlu seimbang antara keperluan rohani dan tuntutan fizikal. Faktor kesediaan emosi juga patut diberi perhatian. Justeru dalam soal mendidik anak-anak ini, Ibn Sina berpendapat, “*Kita hendaklah menumpukan perhatian terhadap pemeliharaan akhlak anak-anak agar jangan sampai mereka menjadi terlalu marah atau terlalu takut atau terlalu sedih atau kurang tidur. Kita juga hendaklah memerhatikan setiap saat apa sahaja yang menjadi keinginan dan kesenangan mereka. Lalu kita usahakan agar mereka memperolehnya. Kita juga hendaklah memerhatikan pula apa-apa yang mereka tidak suka, lalu kita jauhkannya daripada mereka. Tetapi ini bukanlah bermakna kita menurut perintah mereka, cuma sekadar memberikan kemudahan kepada kehidupan mereka.*” (Hasnah Ghani, 1995).

Secara khusus penulis melihat pengajaran Pendidikan Islam diberi secara teori dan praktikal diberi tumpuan oleh Taski al-Iman Taman Pauh. Amalan membaca doa dan surah pilihan di awal pagi mampu memupuk minat pelajar melazimkan diri dengannya. Melalui amali solat yang dilakukan 4 hari dalam seminggu, pelajar-pelajar terdidik untuk memahami tuntutan solat yang wajib dilakukan oleh umat Islam. Ia selaras dengan maksud sabdaan Rasulullah SAW yang telah disebutkan sebelum ini. Daripada aspek Pendidikan Islam, Taski al-Iman telah memberikan penekanan yang mencukupi untuk peringkat prasekolah. Ia menepati objektif khas pendidikan pendidikan prasekolah Abim. Pembelajaran Pendidikan Islam di Tabika KEMAS bagi penulis perlu diperkemaskan. Ketika ini, ia amat bergantung kepada minat dan kreativiti guru itu sendiri. Jumlah pertemuan juga tidak menentu kerana digilirkan dengan subjek Ketatanegaraan. Tidak ada silibus tertentu mengenai Pendidikan Islam yang perlu diikuti. Bagi Tabika Perpaduan, Pendidikan Islam menjadi sebahagian subjek yang diajar kepada para pelajar. Skema pengajarannya merangkumi pelbagai perkara asas dalam Islam. Kurikulum Prasekolah Kebangsaan secara jelas memberi penekanan kepada Pendidikan Islam. Dinyatakan secara detail kandungan pengajaran yang perlu diajar kepada para pelajar. Dengan jumlah 2 jam pertemuan, ia agak lebih baik berbanding Tabika Perpaduan dan KEMAS.

Cadangan

Penulis ingin mencadangkan beberapa cadangan bagi memantapkan lagi pembelajaran Pendidikan Islam di peringkat prasekolah. Antaranya ialah:

1. Memanjangkan tempoh belajar Pendidikan Islam kepada pelajar Tabika Perpaduan dan Prasekolah Kebangsaan supaya mereka dapat memahami ajaran Islam secara teori dan juga praktikal.
2. Bagi Tabika KEMAS perlu diadakan slot khusus Pendidikan Islam dengan mengambil kira keperluan kanak-kanak di usia tersebut.
3. Memberi keutamaan kepada peneguhan akidah pelajar di samping penekanan kepada amalan ibadah harian yang wajib dilaksanakan. Pelajar dididik untuk memahami tuntutannya, bukan sekadar menghafaz.
4. Menggunakan perisian khusus Pendidikan Islam melalui sumber CD-ROM yang terdapat di pasaran atau sumber online. Ia dapat membantu guru untuk menarik minat pelajar.

5. Mewujudkan modul yang berkesan supaya Pendidikan Islam menjadi subjek yang menarik dan memberi kesan kepada pelajar.

Penutup

Pendidikan prasekolah adalah proses awal memperkenalkan anak-anak dengan dunia pembelajaran secara formal. Memastikan anak-anak terdidik dengan nilai-nilai Islam adalah menjadi tanggungjawab para ibu bapa. Menghantar anak-anak ke institusi prasekolah adalah sebahagian daripada tanggungjawab tersebut. Pilihan perlu dilakukan kerana kebanyakan prasekolah yang wujud tidak memberi perhatian serius terhadap Pendidikan Islam. Justeru para ibu bapa hendaklah mempastikan prasekolah yang dipilih untuk anak-anak mereka mampu menampung kehendak pembelajaran sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam.

Bibliografi

- Al-Quran al-Karim.
- Abdul Ghani Samsudin, Hj. (2001). *Falsafah dan konsep pendidikan prasekolah Islam*.
- Abdullah Basmeih. (1998). *Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran* (edisi Jawi). Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Al-Ahwani, Ahmad Fuad. (1965). *al-Tarbiyah fi al-Islam*. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Fadzlullah Hj. Shuib. (1995). *Kecemerlangan ilmu dalam sejarah dan tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Warisan.
- Haron Din. (1992). *Tasawwur Islam*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.
- Hans Wehr. (1980). *A dictionary of modern written Arabic*. Beirut: Librairie Du Liban.
- Hasnah bt. Ghani. (1995). *Jenayah remaja permasalahan dan penyelesaian*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.

Kamus Dewan (edisi ke-3). (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Tiada tarikh dan tempat percetakan.

Kurikulum Taski Abim (Pendidikan Islam Prasekolah). (1998). Biro Pendidikan Abim.

Hanita Hashim. (2003). Guru Tabika KEMAS Taman Pauh Indah. Temu bual, 3 November 2003, jam 11.30 tengahari.

Khubri Awang. (2003). Penyelia Taski al-Iman Taman Pauh. Temu bual, 4 November 2003, jam 2.30 petang.

Norhani Ismail. (2003). Guru Tabika Perpaduan Taman Pauh Indah. Temu bual, 3 November 2003, jam 11.00 tengahari.

Rattana a/p Yan. (2003). Guru Besar Sekolah Kebangsaan Pauh Jaya. Temu bual, 6 November 2003, jam 12.00 tengahari.